

Malaysia perlu miliki pangkalan di Antartika

Oleh
MARHAINI KAMARUDDIN
dan **LAUPA JUNUS**

KUALA LUMPUR 20 Feb. — Malaysia perlu mempunyai pangkalan penyelidikan sendiri di Antartika untuk membuktikan keupayaan dan daya tahan saintis tempatan menerokai bidang baru sains berprofil tinggi.

Penyelaras Teknikal Kebangsaan Program Penyelidikan Saintifik Antartika, Dr. Azizan Abu Samah berkata, ia juga penting bagi mengembang dan mengukuhkan misi penyelidikan sains negara untuk jangka masa panjang khususnya dalam bidang-bidang yang Malaysia masih ketinggalan.

Menurutnya, walaupun para saintis negara telah memulakan kajian di benua itu sejak 1999, Malaysia 'menumpang' kemudahan Scott Base milik New Zealand dan stesen Casey kepunyaan Australia.

"Memang kita bukan diberi subsidi oleh New Zealand (mahupun Australia) sebaliknya membayar sepenuhnya kos penyelidikan di sana.

"Bagaimanapun, kita sudah meletakkan

asas dengan menghantar misi penyelidikan ke Antartika. Jadi dari segi kemajuan, memang akhirnya ia (patut) menjurus ke arah penubuhan pangkalan," katanya kepada *Utusan* ketika ditemui di Pusat Penyelidikan Antartika, Universiti Malaya (UM) di sini hari ini.

Dr. Azizan merupakan saintis tempatan pertama yang dihantar meninjau aktiviti penyelidikan saintifik di Antartika dan yang paling lama membuat kajian di benua itu.

Beliau turut mengiringi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan rombongan bercuti di Kutub Selatan baru-baru ini, bagi memberi taklimat mengenai kemajuan keseluruhan projek sains yang dijalankan oleh saintis Malaysia.

Menurut Dr. Azizan, buat masa ini, Malaysia merupakan satu-satunya negara ASEAN yang terlibat menjalankan penyelidikan di Antartika.

Misi penyelidikan Malaysia dibuat secara berterusan sejak 1999.

Dengan kunjungan Perdana Menteri dan beberapa menteri kabinet ke Antartika, beliau bercava, misi penyelidikan negara di

terbesar di Antartika dimiliki oleh Amerika Syarikat dengan kos operasi AS\$270 juta. Pangkalan milik Jepun pula beroperasi pada kos AS\$40 juta dan Britain AS\$12 juta.

"Untuk menjamin pemantapan masa depan dalam penyelidikan sains, kita perlu ada stesen sendiri," katanya.

Bagaimanapun, beliau menekankan dalam hal ini, Malaysia tidak boleh lari daripada kerangka Antarctic Treaty System (ATS) iaitu perjanjian yang dibentuk untuk

benua itu akan mendapat perhatian kerajaan.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8), misi tersebut mendapat peruntukan sebanyak RM5 juta dan dijangka memperoleh tambahan RM5 juta lagi.

Menurut Dr. Azizan, sejak kehadiran rombongan pemimpin tertinggi negara di Antartika, masyarakat antarabangsa kini memerhatikan dengan penuh minat perkembangan penglibatan Malaysia di benua tersebut.

"Mereka ingin tahu apa rancangan Malaysia selepas ini," katanya.

Rombongan itu turut disertai oleh Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Law Hieng Ding, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak dan wakil tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Datuk Hasmy Agam.

Mengulas lanjut mengenai pembinaan pangkalan di Antartika, Dr. Azizan berkata, ia memerlukan kos operasi kira-kira RM20 juta setahun.

Buat masa ini, pangkalan penyelidikan

menyelaras hubungan antara negara-negara yang aktif di benua itu.

Menurutnya, kerajaan perlu menyatakan pendirian berhubung dasar penglibatan negara di Antartika termasuk kemungkinan menyertai ATS.

ATS meliputi kawasan 60 darjah selatan termasuk kesemua unjuran ais dan pulau.

Anggota asal perjanjian itu terdiri daripada 12 negara yang aktif menjalankan penyelidikan di benua tersebut.